

UCAPAN
YB DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MADIUS TANGAU
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
DI MAJLIS PERASMIAN MINGGU SAINS NEGARA
BERTEMPAT DI PUSAT SAINS NEGARA
PADA 3 APRIL 2018

YANG BERBAHAGIA DATUK SERI DR. MOHD AZHAR BIN HJ. YAHAYA

Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

Dif-Dif Jemputan,

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Datuk-Datuk, Datin-Datin,

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Berinovasi

ALU-ALUAN

1. Bersyukur kita kepada Tuhan kerana dengan keizinan-Nya, dapat kita berkumpul dan bertemu pada malam ini dalam **Majlis Perasmian Minggu Sains Negara**.

2. Saya berasa amat gembira kerana Minggu Sains Negara yang julung-julung kali diadakan pada tahun ini sedang diraikan oleh semua saintis, penyelidik, guru, pelajar dan masyarakat secara serentak di seluruh negara.

3. Pelbagai aktiviti menarik telah bermula sejak 1 April dan akan berterusan sehingga 7 April. Sambutan Minggu Sains Negara akan diadakan pada minggu pertama bulan April setiap tahun dan ia akan

menjadi agenda utama kerajaan dalam membudayakan sains, teknologi dan inovasi (STI) di kalangan masyarakat Malaysia.

PENDAHULUAN

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

4. Kerajaan telah melaksanakan Program Transformasi Negara untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju berpendapatan tinggi bagi menjamin kesejahteraan hidup rakyat. Banyak inisiatif transformasi yang dilaksanakan telah memberi penekanan khusus kepada peranan STI sebagai pemacu pembangunan sosio-ekonomi negara.

5. Program Transformasi Negara yang disokong oleh sains dan teknologi dalam semua sektor ekonomi telah membawa kepada kemajuan pesat ekonomi negara. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 5.9 peratus pada tahun lalu, yang melepasi unjuran, membuktikan bahawa usaha kerajaan membangunkan ekonomi negara berada di landasan yang tepat. Pertumbuhan tersebut lebih tinggi berbanding pencapaian pada tahun 2015 dan 2016 iaitu 5.0 peratus dan 4.2 peratus.

6. Laporan Forum Ekonomi Dunia (WEF) pula telah meletakkan Malaysia di tangga ke-13 dari 103 negara dalam **Indeks Pembangunan Inklusif** di kalangan ekonomi membangun dunia dan tempat pertama di Asia.

7. Selain itu, Laporan ***World Happiness Report 2018*** yang dikeluarkan oleh *United Nations Sustainable Development Solutions Network* menunjukkan peningkatan *ranking* Malaysia di tangga ke-35,

berbanding dengan 42 pada tahun 2017. Di kalangan negara-negara ASEAN pula, Malaysia kekal di kedudukan ke-2 selepas Singapura.

8. Ini membuktikan, pencapaian dan pengiktirafan kepada negara kita secara amnya menunjukkan bahawa Kerajaan telah melaksanakan dasar-dasar yang berkesan serta menghasilkan impak positif kepada rakyat.

MINGGU SAINS NEGARA

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

9. Untuk menjadi sebuah negara yang maju dan berpendapatan tinggi, kita hendaklah mempunyai keupayaan untuk menguasai bidang STI. Masyarakat Malaysia pada masa kini bukan hanya perlu memanfaatkan teknologi terkini tetapi turut menjadi penyumbang kepada kemajuan teknologi tersebut.

10. Ke arah melahirkan generasi penyumbang kepada kemajuan teknologi sejagat, minat terhadap bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) di kalangan generasi muda perlu terus dipertingkatkan. Oleh yang demikian, kerajaan telah menetapkan satu minggu khas bagi penganjuran program kesedaran dan pembudayaan bersepadu yang dilaksanakan secara besar-besaran.

11. Hasil dari itu, tercetuslah idea untuk menganjurkan **Minggu Sains Negara**, sebagai satu inisiatif khusus untuk menyemarakkan gerakan sains kebangsaan secara menyeluruh dan melibatkan kerjasama semua negeri.

12. Sambutan Hari Sains Sedunia (*World Science Day*) yang bermula pada tahun 2002 pada asalnya merupakan inisiatif *United Nations Organization for Education, Science and Culture* (UNESCO) untuk meningkatkan kesedaran terhadap peranan sains dan penggunaan sains untuk keamanan sejagat.

13. Penganjuran minggu atau hari sains (*Science Weeks or Science Day*) telah diamalkan di beberapa buah negara maju seperti United Kingdom, Norway dan Kanada. Manakala negara seperti India dan Thailand memperuntukkan satu hari sahaja bagi sambutan hari sains.

14. Minggu Sains Negara bertujuan untuk meningkatkan kesedaran terhadap peranan sains dan kepentingannya kepada kesejahteraan sosio-ekonomi negara. Oleh yang demikian, pengisian Minggu Sains Negara dipenuhi dengan aktiviti seperti pameran, forum, ceramah, *science show* dan *science game* yang dapat menarik minat pelajar mengikuti bidang sains.

NEGARAKU BERINOVASI

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

15. Minggu Sains Negara pada tahun ini membawa tema **Negaraku Berinovasi**. Tema ini memberi penekanan kepada kepentingan inovasi untuk dipraktikkan oleh semua lapisan masyarakat kerana hanya melalui inovasi, penambahbaikan atau pembaharuan proses, teknologi dan produk dapat dilaksanakan bagi tujuan mengurangkan kos, menambah nilai, meningkatkan produktiviti dan kecekapan.

16. Negaraku Berinovasi merupakan satu gerakan yang menggalakkan segenap masyarakat berfikir, bertindak dan melahirkan daya cipta baharu bagi menghasilkan faedah untuk dinikmati oleh semua. Gerakan ini tidak dapat dijayakan dalam tempoh sehari, seminggu, sebulan ataupun setahun, tapi ia memerlukan masa untuk dipupuk dan disemai dalam diri setiap rakyat Malaysia sehingga kita berjaya membudayakan inovasi dalam segenap aspek kehidupan.

17. Ke arah itu, pembudayaan inovasi perlu dimulakan dengan penghayatan ilmu dan pengalaman dalam usaha merangsang gaya pemikiran kreatif. Penghayatan ilmu dan pengalaman ini seterusnya diterjemahkan dalam bentuk amalan agar menjadi tabiat yang baik dalam kehidupan seharian.

18. Oleh itu, pemilihan tema Negaraku Berinovasi adalah bertepatan dengan hasrat Kerajaan untuk mencipta kekayaan demi kesejahteraan rakyat melalui program yang menyemarakkan kreativiti dan membudayakan inovasi.

MENINGKATKAN KESEDARAN TERHADAP KEPENTINGAN STI

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

19. Mengapa kita perlu sentiasa meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan STI? Jawapannya mudah! Penyelesaian kepada isu dan cabaran masa hadapan banyak bergantung kepada kemajuan STI dan bagaimana kita menguasai teknologi tersebut. Kita perlu bersedia menghadapi cabaran masa hadapan yang banyak dipengaruhi oleh ledakan teknologi disruptif. Untuk itu, negara perlu membangunkan lebih

banyak masyarakat yang berliterasi saintifik serta membudayakan STI dalam setiap dimensi kehidupan.

20. Menurut **Kajian Kesedaran Awam Terhadap Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) 2014** yang dijalankan oleh MOSTI, didapati bahawa tahap minat rakyat Malaysia terhadap STI adalah masih rendah berbanding dengan negara lain seperti Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah.

21. Oleh yang demikian, MOSTI akan terus berusaha untuk merangka pelbagai program-program kesedaran STI bagi meningkatkan lagi minat dan kesedaran STI agar setanding dengan negara-negara maju.

MENINGKATKAN BILANGAN PELAJAR STEM

22. Dunia hari ini sedang berhadapan dengan gelombang Revolusi Industri Ke-4 yang amat bergantung kepada kemahiran dan penguasaan dalam bidang STEM. Sekiranya kita tidak menguasai STEM, makanya kita akan ketinggalan dalam arus modenisasi global.

23. Pembangunan modal insan untuk memenuhi keperluan dan pekerjaan masa hadapan termasuk pekerjaan yang belum wujud pada masa sekarang perlu dirancang. Untuk mencapai hasrat ini, para pelajar di peringkat sekolah rendah perlu menguasai bidang STEM bagi menghadapi cabaran pekerjaan di masa akan datang.

24. Seperti mana semua sedia maklum, YAB Perdana Menteri semasa membentangkan Bajet 2018 telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM25 juta bagi penubuhan **Pusat STEM Nasional**. Pusat ini bertujuan

untuk membentuk kaedah pembelajaran terkini serta mengetengahkan Pengajaran dan Pembelajaran Sains Berasaskan Inkuiri (IBSE) bagi melatih guru supaya mereka lebih *passionate* terhadap STEM.

25. Penubuhan Pusat STEM Nasional ini menggunakan pendekatan kerjasama Strategi Lautan Biru Nasional (NBOS) antara MOSTI dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Penubuhan pusat ini dijangka akan memberi manfaat kepada 138,330 guru-guru STEM dan lebih dari 5 juta pelajar di Malaysia.

26. Selain itu, MOSTI dengan kerjasama pelbagai Kementerian khususnya Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan Draf Akhir **Pelan Tindakan Strategik STEM Nasional 2018-2025** dan pelan ini dalam proses mendapatkan kelulusan untuk dilaksanakan. Pelan ini bertujuan memperkasakan ekosistem STEM negara melalui penetapan strategi dan pelan tindakan yang menyeluruh, di mana pelaksanaannya melibatkan akademik, guru, pelajar, dan pelbagai peringkat masyarakat.

PENGIKTIRAFAN TERHADAP SUMBANGAN DAN KEJAYAAN DALAM BIDANG STI

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

27. MOSTI khususnya dan Kerajaan secara amnya sentiasa memberi pengiktirafan terhadap sumbangan penyelidik-penyelidik dalam R&D negara. Saya percaya bahawa pengiktirafan ini akan memupuk budaya kecemerlangan yang berterusan dalam bidang STI.

28. Pada malam ini, kita akan memberi pengiktirafan kepada sumbangan dan pencapaian saintis, penyelidik dan juruteknologi negara. Saya ingin memaklumkan bahawa, ada tiga anugerah utama yang akan disampaikan iaitu **Anugerah STEM, Anugerah Saintis Muda** dan **Anugerah Juruteknologi**.

29. Menerusi Anugerah STEM yang pertama kalinya diadakan, MOSTI akan mengiktiraf tiga (3) organisasi yang telah berjasa dan memberikan sumbangan yang besar dalam bidang STEM negara. Langkah ini diharapkan dapat merancakkan lagi aktiviti STEM dan seterusnya dapat menarik lebih ramai rakyat negara ini meminati STEM.

30. Anugerah Saintis Muda Negara mengiktiraf sumbangan dan pencapaian saintis muda berusia 35 tahun ke bawah. Manakala Anugerah Juruteknologi Negara pula mengiktiraf sumbangan juruteknologi serta kakitangan separuh ikhtisas yang menjalankan penyelidikan di Malaysia. Objektif kedua-dua anugerah ini diadakan bagi memberi inspirasi kepada semua saintis muda dan juruteknologi untuk menghasilkan kejayaan dan pencapaian yang membanggakan negara.

31. Dalam pada itu, segolongan saintis negara telah menabur bakti dan mengharumkan nama negara dalam bidang sains juga wajar diberi pengiktirafan yang sewajarnya. Dalam hubungan ini, saya bercadang untuk memperkenalkan anugerah pengiktirafan khas kepada mereka. Perkara ini akan diperincikan lagi dan akan diumumkan setelah ia diluluskan.

KOLABORASI STRATEGIK

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

32. Pelaksanaan Minggu Sains Negara merupakan usaha gerakan sains yang bersepadu melibatkan kolaborasi pelbagai pihak. Penganjuran Minggu Sains Negara di setiap negeri melibatkan kerjasama melalui pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) antara agensi-agensi di bawah MOSTI dengan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Pendidikan Negeri, Institusi Pendidikan, NGO, Industri, Media dan Jabatan Kerajaan di seluruh negara. Saya amat berterima kasih dan menghargai usaha-usaha yang dilaksanakan. Tahniah kepada anda semua kerana berjaya membawa anjakan baru dalam pembangunan bidang STI negara.

33. Saya juga berharap pihak NGO dan Industri akan memainkan peranan lebih besar dalam menjayakan Minggu Sains Negara pada tahun-tahun akan datang.

PENUTUP

34. Akhir kata, saya berharap, usaha murni kita ini mendapat keberkatan Tuhan dan matlamat kita mengurusperdanakan STI demi kesejahteraan rakyat akan tercapai. Dengan ini saya merasmikan ***Minggu Sains Negara.***

Sekian, terima kasih.